

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 25

Albert Enterprise adalah sebuah perniagaan milikan tunggal. Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017 adalah seperti berikut:

Albert Enterprise			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017			
	RM		RM
Premis	50,000	Modal	75,330
Bank	13,090	Untung bersih	11,740
Inventori	29,230	Akaun belum bayar	14,500
Akaun belum terima	8,500		
Tunai	750		
	<u>101,570</u>		<u>101,570</u>

Urus niaga perniagaannya dalam bulan Julai 2017 adalah seperti berikut:

- (i) Membeli kenderaan berharga RM15,000 dengan wang peribadi untuk kegunaan perniagaan
- (ii) Mengeluarkan tunai dari bank RM2,000 untuk kegunaan perniagaan
- (iii) Membeli barang niaga secara kredit RM4,700 daripada Pembekal Razali
- (iv) Sekeping cek bernilai RM2,750 yang diterima daripada akaun belum terima didapati cek tak laku
- (v) Bayar insurans kedai dengan cek RM750.
- (vi) Memulangkan barang niaga RM300 kepada pembekal kerana telah rosak
- (vii) Pemilik mengambil barang niaga RM500 untuk tujuan promosi

Berdasarkan penyata kedudukan kewangan dan maklumat di atas, sediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Julai 2017. Tunjukkan jalan kerja secara berasingan mengikut jadual yang sesuai.